

PERBAHASAN BERKAITAN HUKUM MANDI DALAM BULAN RAMADAN

Oleh:

Felo Ahli Sunnah Wal Jamaah (NADWAH)
Jabatan Mufti Negeri Perak

Bulan Ramadan adalah bulan yang mulia dan mempunyai banyak keberkatan padanya. Justeru, hukum berkenaan amalan di bulan Ramadan juga perlu diberikan perhatian supaya kita dapat meraih banyak pahala. Pada bulan Ramadan, pandangan muktamad dalam mazhab Syafi'i ialah **sunat** mandi sebelum subuh, sama ada mandi wajib atau mandi harus bertujuan untuk membersihkan dan menyejukkan badan. Sekalipun begitu, mandi selepas subuh pada bulan Ramadan sama ada mandi wajib atau mandi harus adalah **diharuskan** seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Arsyad Al-Banjari:

“Dan tiada dimakruh bagi yang puasa mandi dan berminyak dan bercelak. Hanya yang demikian itu, khilaf aula ertinya menyalahi yang terutama bagi yang puasa bahawa jangan ia mandi dan berminyak dan bercelak kerana pada mazhab Imam Malik batal puasa dengan bercelak.” (Sabil al-Muhtadin, 2/137)

Kenyataan *“tidak makruh”* dapat difahami dengan maksud harus mandi di pagi Ramadan. Adapun harus mandi wajib selepas subuh kerana terdapat dalil yang jelas padanya yang diriwayatkan oleh Saidatuna 'Aisyah dan Saidatuna Ummu Salamah r.a, bahawa Nabi SAW bersabda:

كَانَ يُدْرِكُهُ الْفَجْرُ وَهُوَ جُنُبٌ مِنْ أَهْلِهِ، ثُمَّ يَغْتَسِلُ وَيَصُومُ

“Adalah Rasulullah SAW pernah mendapati fajar telah terbit (masuk waktu subuh) dan ketika itu Baginda dalam keadaan junub setelah bersama dengan isteri Baginda. Kemudian Baginda mandi dan berpuasa.”

(HR al-Bukhari & Muslim)

Justeru, permasalahan mandi selepas subuh dapat disimpulkan bahawa ia adalah **harus** sama ada mandi *mubah* (harus) atau mandi junub (wajib). Sebahagian masyarakat awam keliru kerana menganggap puasa batal jika tidak melakukan mandi wajib sebelum subuh. Kefahaman ini adalah silap kerana tiada disebutkan dalam syarat sah puasa adalah mesti suci daripada hadas kecil atau hadas besar. Hanya disebutkan perkara membatalkan puasa adalah jimak, liwat dan onani. Dihukumkan batal puasa bagi ketiga-tiga perkara tersebut bukan kerana junub tetapi kerana berlaku keadaan sengaja mengeluarkan air mani ketika sedang berpuasa. Manakala berjimak membatalkan puasa kerana memang dijelaskan dalam dalil secara jelas.

Selain itu, timbul permasalahan hukum mandi selepas maghrib pada bulan Ramadan. Habib Hasan bin Ahmad al-Kaf dan Syeikhul Azhar ke-19, Syeikh Ibrahim al-Bajuri

menjelaskan sunat mandi selepas maghrib pada bulan Ramadan. (Rujuk: al-Taqirrat al-Sadidah, 445 & Hashiah al-Bajuri, 1/360)

Selain itu, Menurut Syeikh al-Sharwani bahawa sunat mandi malam Ramadan adalah sepanjang waktu maghrib sehingga sebelum subuh. (Rujuk: Hashiah al-Sharwani, 2/468)

Para ulama membincangkan mengenai sebab kesunahan mandi selepas maghrib pada bulan Ramadan. Imam al-Azra'i menyebutkan sunat mandi kerana untuk hadir solat berjemaah. Namun, hal ini ditolak oleh Imam Ibn Hajar al-Haytami dengan berkata:

وَلِكُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، قَالَ الْأَذْرَعِيُّ: إِنَّ حَضَرَ الْجَمَاعَةَ، وَفِيهِ نَظْرٌ؛ لِأَنَّهُ حِضُّورِ الْجَمَاعَةِ لَا يَخْتَصُّ بِرَمَضَانَ، فَانصُّهُمْ عَلَيْهِ دَلِيلٌ عَلَى نَدْبِهِ، وَإِنْ لَمْ يَخْضُرْهَا لِشَرَفِ رَمَضَانَ.

“Dan (sunat mandi) bagi setiap malam Ramadan. Imam Al-Azra’i berkata ”(Sunat mandi) Jika dia menghadiri solat berjemaah” padanya perlukan penelitian; kerana menghadiri solat berjemaah tidak khusus untuk Ramadan. Maka teks mereka (para ulama) mengenainya (sunat mandi malam Bulan Ramadan) adalah dalil atas kesunahannya, walaupun dia tidak menghadiri solat berjemaah kerana kemuliaan bulan Ramadan.” (Tuhfah al-Muhtaj fi sharh al-Minhaj, 2/468)

Imam Ibn Hajar al-Haytami menjelaskan bahawa sunat mandi malam Ramadan tidak dikaitkan dengan solat berjemaah yang akan didirikan. Sekiranya seseorang itu tidak pergi solat berjemaah sekalipun, maka tetap sunat untuk mandi kerana kemuliaan bulan Ramadan. Ini menunjukkan sunat mandi tersebut adalah mutlak dan tidak dikaitkan dengan dengan solat berjemaah kerana hukum mandi bagi menunaikan solat berjemaah adalah dihukum sunat secara terasing (*sunnah mustaqillah*). Maksudnya, setiap muslim sememangnya dituntut untuk mandi terlebih dahulu sebelum datang solat berjemaah dan ia tidak terhad pada bulan Ramadan sahaja. Adapun, sunat mandi malam Ramadan adalah hukum sunat yang berasingan seperti yang dijelaskan oleh Imam Ramli:

وَلِكُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، وَقَيَّدَهُ الْأَذْرَعِيُّ بِمَنْ يَخْضُرُ الْجَمَاعَةَ، وَالْأَوْجَهُ الْأَخَذُ بِإِطْلَاقِهِمْ.

“(Sunat mandi) untuk setiap malam di bulan Ramadan, dan al-Azra’i mengikat (kesunahan itu hanya) kepada orang yang menghadiri jamaah, sedangkan yang paling kuat adalah mengambil (hukum sunat mandi malam Ramadan dengan) kemutlakan perkataan mereka.” (Nihayat al-Muhtaj, 2/332)

Teks Imam al-Ramli di atas dihurai oleh Imam al-Shubramalisi dengan kenyataan berikut:

(قَوْلُهُ: وَالْأَوْجَهُ الْأَخْذُ بِإِطْلَاقِهِمْ) أَي فَلََّا يَنْقَيِّدُ بِمُرِيدِ الْجَمَاعَةِ وَذَلِكَ لِأَنَّ الْغُسْلَ لِلْجَمَاعَةِ سُنَّةٌ مُسْتَقَلَّةٌ.

(Katanya: “Dan yang lebih kuat ialah berpegang dengan kemutlakan kata-kata mereka”), iaitu tidak diikat (dihususkkan) dengan orang yang hendak menghadiri solat berjemaah. Hal yang demikian kerana mandi untuk berjemaah itu merupakan satu sunah yang berdiri sendiri (sunat yang tersendiri). (Hashiah al-Shubramalisi, 2/332)

Syeikh Ibrahim al-Bajuri menyimpulkan bahawa pandangan muftamad dalam mazhab Syafi'i ialah **disunatkan** mandi malam Ramadan secara mutlak sama ada untuk hadir solat berjemaah atau tidak. Kesunahan ini adalah kerana kemuliaan bulan Ramadan seperti yang dijelaskan oleh Imam Ibn Hajar al-Haytami.

Lalu, timbul pula persoalan bagaimana para ulama menghukum sunat mandi malam Ramadan, sedangkan tiada dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah? Jawabannya ialah sumber hukum Islam ada empat iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Oleh itu, para ulama menghukum sunat mandi malam Ramadan adalah dengan Qiyas seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Dr. Mustafa Dib al-Bugha:

لَمْ أَجِدْ دَلِيلًا نَفْلِيًّا لِاسْتِحْبَابِ هَذِهِ الْأَغْسَالِ الثَّلَاثَةِ، وَلَعَلَّ الْعُلَمَاءَ قَالُوا بِاسْتِحْبَابِهَا قِيَاسًا عَلَى الْجُمُعَةِ وَالْعِيدَيْنِ، لِأَنَّهَا فِي مَعْنَاهَا مِنْ حَيْثُ مَشْرُوعِيَّةِ الْجَمَاعَةِ فِيهَا، وَاجْتِمَاعِ النَّاسِ لَهَا.

“Saya tidak menemukan dalil naqli (yang jelas daripada al-Quran atau hadis) tentang sunatnya tiga mandi ini (mandi bagi solat memohon hujan, solat gerhana matahari dan solat gerhana bulan). Barangkali para ulama menghukumkannya sebagai sunat melalui Qiyas kepada mandi Jumaat dan dua hari raya kerana ia sama dengannya dari sudut pensyariatan berjemaah padanya serta berhimpunnya orang ramai untuknya.” (al-Tahzib fi Adillah Matn al-Ghayah wa al-Taqrīb, 27)

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat kita fahami bahawa sebahagian mandi disunatkan dengan menggunakan Qiyas. Justeru dalam masalah mandi malam Ramadan juga disunatkan dengan Qiyas. Apa yang zahir, Imam al-Azra'i menghukumkan sunat mandi malam Ramadan kerana terdapat solat terawih berjemaah. Namun seperti yang dijelaskan di atas, kesunahan mandi malam Ramadan adalah secara mutlak, sekalipun tidak solat berjemaah. Jika ditanya, ada atau tidak dalil Nabi SAW mandi pada malam Ramadan? Jawabnya ada disebutkan oleh Imam Ibn Rajab seperti berikut:

عَنْ حُذَيْفَةَ أَنَّهُ قَامَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً مِنْ رَمَضَانَ فَاعْتَسَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسَتَرَهُ حُذَيْفَةُ وَبَقِيَتْ فَضْلَةٌ فَاعْتَسَلَ بِهَا حُذَيْفَةُ وَسَتَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

“Daripada Hudhaifah, bahawa beliau pernah bangun (untuk beribadah) bersama Nabi SAW pada suatu malam pada bulan Ramadan. Lalu Nabi SAW mandi dan Hudhaifah menutup Baginda (ketika mandi). Kemudian masih berbaki sedikit air, maka Hudhaifah pun mandi dengan air tersebut, dan Nabi SAW pula menutup beliau.” (Latha`if al-Ma`arif, 189)

Imam Ibn Rajab juga menyebutkan hadis Nabi SAW turut bangun 10 malam terakhir dan mandi antara solat Isyak dan Subuh:

مِنْ حَدِيثِ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَغْتَسِلُ بَيْنَ الْعِشَاءِ وَالْمَغْرِبِ كُلَّ لَيْلَةٍ يَغْنِي مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَّلِ.

“Daripada hadis Ali, bahawa Nabi SAW biasa mandi antara solat Isyak dan Subuh setiap malam, iaitu pada sepuluh malam terakhir (bulan Ramadan).” (Latha`if al-Ma`arif, 189)

Kesimpulannya, para ulama muktabar seperti Imam Ibn Hajar al-Haytami, Imam al-Ramli, Imam Sharwani, Imam al-Shubramalisi, Imam al-Azra`i, Syeikh al-Bajuri dan Habib Hasan bin Ahmad al-Kaf telah menghukumkan bahawa **sunat** mandi pada malam Ramadan dalam kitab-kitab mereka khususnya dalam mazhab Syafi`i. Kita dituntut untuk mandi pada malam Ramadan sama ada selepas maghrib atau selepas isyak sehingga sebelum subuh. **Terlebih sunat** lagi apabila 10 akhir Ramadan kerana ia adalah amalan Nabi, para sahabat dan *salafussoleh*. Justeru, mengamalkannya adalah mendapat pahala dan memperoleh hikmah daripadanya.

Tarikh : 10 Mac 2026

No Siri : 4/2026